

Januari 2022

# Kod Tatakelakuan



# Jadual Kandungan

<b>Kata-kata Aluan</b>	<b>03</b>	<b>Hormati Orang Lain</b>	<b>21</b>
<b>Tujuan dan Skop</b>	<b>04</b>	Antigangguan/Antidiskriminasi	23
<b>Butiran</b>	<b>06</b>	Keselamatan Tempat Kerja	25
<b>Kebertanggungjawaban</b>	<b>08</b>	<b>Elakkan Konflik Kepentingan</b>	<b>27</b>
Mengajukan Soalan dan Melaporkan		<b>Lindungi Aset Kami</b>	<b>32</b>
Kebimbangan	09	Pertimbangan Khas dalam	
Tiada Tindakan Balas	11	Perlindungan Aset Seagate	34
Siasatan dan Tindakan Disiplin	12	<b>Pastikan Integriti Kewangan Kami</b>	<b>37</b>
Pengecualian dan Penepian	12	<b>Kesimpulan</b>	<b>39</b>
<b>Patuhi Undang-undang</b>	<b>13</b>		
Undang-undang Persaingan dan			
Antipakatan	15		
Antirasuah dan Antisogokan	17		
Perdagangan Orang Dalam	18		
Perdagangan Antarabangsa	19		
Privasi Data	20		



Kata-kata Aluan daripada Dave Mosely, CEO

## Rakan Sekerja yang Dihormati,

Produk kami amat berkait rapat dengan pengalaman manusia. Data sudah menjadi darah daging kami dan kami bersedia untuk menyaksikan perkembangan pesat data di seluruh dunia. Keutamaan untuk mencipta ruang untuk pengalaman manusia ini diiringi oleh tanggungjawab yang berat untuk berbuat demikian selaras dengan nilai-nilai teras kami iaitu kejujuran, integriti dan hormat-menghormati antara rakan sekerja. Kod Tatakelakuan kami merupakan prinsip panduan yang memberikan hala tuju tentang cara menjalankan perniagaan dengan tahap kejujuran dan integriti yang paling tinggi. Dalam Kod Tatakelakuan ini, kami bukan hanya mengisytiharkan standard etika tertinggi kami dan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi terhadap integriti tetapi lebih penting lagi, Kod kami bertindak sebagai panduan dalam menghadapi cabaran membuat keputusan setiap hari.

Saya amat komited untuk mendukung nilai-nilai kami dan menjalankan perniagaan kami dengan standard etika yang paling tinggi. Saya menggalakkan setiap seorang daripada anda untuk membaca Kod Tatakelakuan kami dengan teliti dan merujuk kepadanya selalu untuk mendapatkan panduan tentang cara menyusun kata-kata dan merancang tindakan anda di Seagate. Bersama-sama, kami akan terus membentuk tradisi kecemerlangan Seagate dan memperkasa setiap individu untuk melakukan perkara yang betul. Terima kasih.



Bagi saya secara peribadi, tiada yang lebih penting daripada mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang sarat dengan kejujuran dan integriti, dan saya berharap setiap seorang daripada anda akan menerima prinsip Kod Tatakelakuan kami dengan tangan terbuka."



# Tujuan dan Skop

# Tujuan dan Skop

Nilai-nilai teras kami, iaitu Integriti, Inovasi dan Keterangkuman memacu budaya, visi dan misi Seagate. Kod Tatakelakuan ("Kod") ini menggambarkan nilai-nilai kami. Kod ini merupakan panduan tentang cara kami memberikan layanan kepada orang lain, membuat keputusan dan menjalankan perniagaan di seluruh dunia.

## Tujuan

Kod ini mengandungi nilai-nilai teras Seagate dan hendaklah digunakan sebagai asas untuk menjalankan perniagaan dan membuat keputusan bagi pihak Seagate.

## Skop

Kod ini terpakai kepada semua pekerja, pegawai, ahli Lembaga Pengarah, kontraktor, pekerja sementara dan pelatih kami (secara kolektif, "ahli pasukan Seagate").



# Butiran

# Butiran

Kod ini terpakai kepada semua ahli pasukan Seagate. Kami menghendaki semua orang supaya mengetahui Kod ini serta berlaku jujur dan beretika dalam menyempurnakan tugas mereka.

Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan disiplin yang boleh merangkumi penamatan pekerjaan atau perkhidmatan, ataupun penyingkiran daripada Lembaga Pengarah. Hukuman sivil atau jenayah, termasuk jumlah denda yang tinggi dan pemenjaraan, juga boleh dikenakan jika Kod ini atau undang-undang tidak dipatuhi. Semua permintaan penepian akan dikaji semula oleh Jawatankuasa Kajian Semula Konflik Kepentingan (Conflict of Interest Review Committee). Permintaan penepian pegawai eksekutif atau ahli Lembaga Pengarah mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Sebarang permintaan penepian lain mesti diluluskan oleh Jawatankuasa Kajian Semula Konflik Kepentingan.





# Kebertanggungjawaban



# Kebertanggungjawaban

## Mengajukan Soalan dan Melaporkan Kebimbangan

1

Adakah anda mempunyai soalan atau kebimbangan tentang Kod ini?

2

Adakah anda percaya seseorang mungkin melanggar Kod ini atau undang-undang?

3

Adakah anda mengesyaki kelakuan yang tidak beretika? Adakah anda tidak pasti tentang perkara yang perlu dilakukan?

Jika jawapan anda kepada mana-mana soalan ini ialah ya, sila hubungi mana-mana sumber yang berikut:

- Pengurus anda
- Mana-mana pengurus yang anda percayai
- Mana-mana Pegawai Pematuhan
- Mana-mana ahli Jabatan Undang-undang
- Mana-mana wakil Sumber Manusia
- **Talian Bantuan Etika** Seagate
- **Talian Bantuan Etika** Serantau Anda (pilih negara untuk nombor telefon)



Anda boleh menghubungi **Talian Bantuan Etika** kami untuk membuat laporan tanpa nama jika undang-undang tempatan membenarkan ketanpanamaan. Pembekal bebas pihak ketiga menjawab semua panggilan **Talian Bantuan Etika** 24 jam sehari, 7 hari seminggu.


Untuk maklumat lanjut: [seagate.alertline.com](https://seagate.alertline.com)



**B.S. Teh**

*Naib Presiden Kanan Jualan  
Global dan Operasi Jualan*

Usahlah berasa bimbang untuk:



Kita harus mematuhi Kod ini dan menggalakkan orang lain untuk berbuat perkara yang sama.

## Tiada Tindakan Balas

Seagate tidak membenarkan tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan kebimbangan dengan suci hati. Ini adalah benar walaupun sesudah itu ketetapan dibuat bahawa tiada pelanggaran yang didapati telah berlaku. Seagate juga melarang tindakan balas terhadap sesiapa kerana mereka mengambil bahagian dalam siasatan dengan suci hati. Tindakan balas termasuk memecat, menggantung pekerjaan, mengganggu, menurunkan pangkat,

mengenakan tindakan disiplin, melakukan diskriminasi terhadap atau menakut-nakutkan seseorang.

Sesiapa yang melanggar dasar tiada tindakan balas kami akan tertakluk pada tindakan disiplin. Tindakan disiplin sedemikian boleh merangkumi penamatan pekerjaan, dengan atau tanpa notis, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai. Selain itu, jika siasatan mendapati bahawa ahli pasukan Seagate telah melanggar Kod ini atau mana-mana dasar Seagate yang lain, peruntukan ini tidak menghalang Seagate daripada mengambil tindakan disiplin, termasuk penamatan pekerjaan atau kontrak ahli pasukan Seagate tersebut, walaupun individu itu telah mengambil bahagian dalam siasatan dengan suci hati.



**Patricia Frost**

*Naib Presiden Kanan  
Sumber Manusia,  
Komunikasi Dalaman dan  
Penglibatan Komuniti*

## Siasatan dan Tindakan Disiplin

Seagate akan mengkaji semula semua laporan pelanggaran Kod, dasar kami dan undang-undang. Laporan kekal dirahsiakan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan lain. Siasatan mungkin perlu dijalankan untuk menentukan penyelesaian yang sewajarnya bagi pelanggaran yang dilaporkan. Anda tidak boleh mengubah atau memusnahkan apa-apa sebagai tindak balas terhadap siasatan. Membuat laporan atau tuduhan berniat jahat atau palsu secara sengaja dianggap sebagai salah laku di bawah Kod ini. Sesiapa yang melanggar Kod kami akan dipertanggungjawabkan dan dikenakan tindakan disiplin yang sewajarnya.

**Untuk maklumat lanjut:  
10-2200 Global Investigations Policy  
(Dasar Siasatan Global)**

## Pengecualian dan Penepian

Pegawai Pematuhan boleh membantu anda mentafsirkan Kod kami. Penepian mungkin perlu dalam keadaan tertentu. Pegawai Pematuhan boleh membantu menentukan sama ada penepian diperlukan, dan membantu dengan proses penepian. Anda mesti memastikan penepian anda diluluskan sebelum mengambil sebarang tindakan. Tiada sesiapa boleh meluluskan permintaan penepian mereka sendiri. Penepian pegawai eksekutif atau ahli Lembaga Pengarah mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Penepian bagi semua ahli pasukan Seagate yang lain mesti diluluskan oleh Jawatankuasa Kajian Semula Konflik Kepentingan.

A man wearing a blue jacket and a tan cap is sitting at a desk in a workshop. He is looking towards the camera with a slight smile. In front of him is a computer monitor and a laptop. The background shows various tools and equipment in a workshop setting.

# Patuhi Undang-undang

# Patuhi Undang-undang

Integriti merupakan nilai teras di Seagate. Anda hendaklah memahami dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan aturan yang berkaitan dengan pekerjaan anda.

Jangan terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang di tempat kerja atau menggunakan sumber Seagate secara tidak wajar (contohnya, jangan lihat pornografi atau bahan yang menyalahi undang-undang, mengganggu atau ofensif menerusi komputer riba Seagate anda). Kelakuan tertentu mungkin tidak menyalahi undang-undang tetapi melanggar Kod ini. Jika anda berada dalam situasi ini, ikuti Kod ini. Jika undang-undang tertentu lebih ketat daripada Kod ini, anda mesti mematuhi undang-undang tersebut.

Hubungi **Pegawai Pematuhan** jika anda mempunyai sebarang soalan atau tidak pasti tentang perkara yang perlu dilakukan.



**Laurie Webb**

*Naib Presiden Undang-undang,  
Pematuhan dan Hubungan  
Kerajaan*

**Pelanggaran sesetengah undang-undang boleh berlaku dengan mudah jika anda tidak berhati-hati. Yang berikut ialah gambaran keseluruhan untuk sesetengah daripada undang-undang ini dan nasihat tentang cara mematuhiya:**

## **Undang-undang Persaingan dan Antipakatan**

Undang-undang antipakatan dan persaingan melindungi pengguna dan pesaing daripada amalan perniagaan yang tidak adil. Undang-undang ini melindungi persaingan saksama. Seagate komited untuk mematuhi undang-undang persaingan dan antipakatan yang terpakai.

**Undang-undang ini berbeza dari negara ke negara, tetapi secara umumnya melarang:**

- Pemeteraian perjanjian dengan pesaing yang mengawal perdagangan
- Penetapan harga menegak atau pengekalan harga jualan semula
- Penyalahgunaan kuasa pasaran untuk merugikan pesaing secara tidak adil
- Penguntukan pasaran atau pelanggan

- Penstrukturan atau pembidaan untuk menunjukan kontrak kepada penjual semula atau pesaing tertentu (juga dikenali sebagai “tipuan bida”)
- Pemboikotan pembekal atau pelanggan tertentu
- Pengehadan jualan atau pengeluaran produk atas sebab antisaing



### Undang-undang antipakatan dan persaingan juga melarang amalan yang memperdayakan, termasuk:

- Memberikan kenyataan palsu atau mengelirukan tentang produk atau perkhidmatan Seagate
- Membuat kenyataan negatif yang palsu tentang pesaing atau produknya
- Membuat tuntutan produk yang tidak berasas
- Menggunakan tanda dagang syarikat lain dengan cara yang menyebabkan pelanggan tidak pasti tentang sumber produk tersebut



Jika anda menyedari tentang sesiapa yang mencadangkan amalan sebegini atau kelakuan antisaing lain, katakan anda “tidak mahu” mengambil bahagian dalam aktiviti itu. Hubungi Jabatan Undang-undang, [Pegawai Pematuhan](#) atau [Talian Bantuan Etika](#) dengan segera. Pelanggaran undang-undang antipakatan atau persaingan boleh menyebabkan hukuman sivil dan jenayah dikenakan, termasuk denda wang dan pemenjaraan.

Untuk maklumat lanjut:  
[11-1800 Antitrust Policy](#)  
(Dasar Antipakatan)



## Antirasuah dan Antisogokan

Di Seagate, peraturan kami mudah sahaja—jangan beri rasuah kepada sesiapa, pada bila-bila masa, atas sebarang sebab. Patuhi undang-undang antirasuah dan antisogokan. Memberi atau berjanji untuk memberi apa-apa yang bernilai untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar ialah rasuah. Derma juga boleh menjadi rasuah jika diberi untuk mempengaruhi keputusan bagi Seagate.

Memberi atau menerima ihsan perniagaan, hadiah atau keraian ialah amalan perniagaan yang biasa. Pertukaran ini boleh berlaku dengan pelanggan, pembekal atau pihak ketiga lain. Ini mungkin kelihatan seperti sesuatu yang tidak wajar. Sentiasa pastikan Kod kami dan undang-undang yang terpakai membenarkan pemberian atau penerimaan sebarang hadiah atau keraian sebelum membuat pertukaran. Jika anda tidak pasti, hubungi [Pegawai Pematuhan](#) sebelum anda memberi atau menerima apa-apa yang bernilai.

Interaksi dengan pegawai kerajaan membawa cabaran yang tersendiri. Undang-undang yang mengawal interaksi sedemikian adalah kompleks dan pelanggaran boleh menyebabkan hukuman jenayah dan sivil yang serius dikenakan. Hukuman boleh merangkumi jumlah denda yang tinggi dan pemenjaraan.

Anda mesti mendapatkan kelulusan daripada [Pegawai Pematuhan](#) sebelum menawarkan apa-apa kepada pegawai kerajaan, termasuk hidangan dan keraian. Kelulusan juga diperlukan sebelum memberikan apa-apa kepada ahli keluarga pegawai.

Anda harus menghubungi [Pegawai Pematuhan](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang interaksi dengan pegawai kerajaan. Laporkan kelakuan rasuah yang diperhatikan atau disyaki kepada [Pegawai Pematuhan](#) atau [Talian Bantuan Etika](#).

**Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang peraturan antirasuah dan antisogokan kami, termasuk yang mengawal hadiah dan ihsan perniagaan:  
[11-1200 Global Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy](#)  
(Dasar Antirasuah dan Antisogokan Global)**

# Perdagangan Orang Dalam

Jangan gunakan maklumat material atau bukan awam untuk membeli atau menjual sekuriti (contohnya, saham atau bon Seagate). Jangan edarkan maklumat material atau bukan awam kepada orang lain supaya mereka dapat membeli atau menjual sekuriti. Ahli pasukan Seagate hanya boleh menggunakan maklumat sulit bagi tujuan perniagaan. Maklumat “material” ialah maklumat yang dianggap penting bagi orang yang munasabah apabila membuat keputusan untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti.



**Gianluca Romano**

Ketua Pegawai Kewangan  
(CFO)

## Maklumat bukan awam yang boleh dianggap material termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Hasil kewangan yang belum didedahkan kepada umum
- Maklumat pendapatan yang belum didedahkan kepada umum
- Ramalan kewangan
- Potensi keuntungan atau kerugian bagi pelanggan, pembekal atau kontrak besar
- Penggabungan, pemerolehan atau penjualan aset yang signifikan
- Litigasi besar
- Pengumuman besar tentang produk baharu atau sedia ada
- Rancangan strategik
- Perubahan dalam pengurusan atasan
- Rancangan pemasaran

Untuk maklumat lanjut:  
**11-1700 Securities Trading Policy**  
**(Dasar Perdagangan Sekuriti)**

# Perdagangan Antarabangsa

Undang-undang perdagangan Amerika Syarikat (A.S.) dan antarabangsa mengawal tempat kami boleh menghantar ataupun menerima produk dan perkhidmatan kami.

## Undang-undang ini adalah kompleks dan terpakai kepada:

- Pengimportan dan pengekspornan barangan atau perkhidmatan ke atau dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain
- Pengekspornan data teknikal, terutamanya data yang berasal dari A.S. Sentiasa ingat bahawa akses kepada data teknikal oleh warganegara asing (iaitu, rakyat sebuah negara yang bukan negara tempat asal data teknikal tersebut) dianggap sebagai eksport.

Anda mungkin perlu mendapatkan lesen import atau eksport untuk mematuhi undang-undang perdagangan. Apabila mengisi dokumentasi, jangan buat sebarang kenyataan yang palsu atau mengelirukan. Sesetengah negara mungkin melarang transaksi komersial dengan negara, orang atau kumpulan tertentu atas sebab keselamatan negara atau perlindungan perdagangan.

Bekerjasamalah dengan pengurus anda dan International Trade Group (Kumpulan Perdagangan Antarabangsa) Seagate untuk

memastikan transaksi anda mematuhi undang-undang yang terpakai. Pelanggaran undang-undang kawalan perdagangan boleh menyebabkan akibat yang serius kepada Seagate. Akibat ini termasuk audit, denda, kekangan perdagangan dan kehilangan perniagaan.

Untuk maklumat lanjut:

**08-3005 International Trade Compliance Policy  
(Dasar Pematuhan Perdagangan Antarabangsa)**



# Privasi Data

Seagate komited untuk mengendalikan data peribadi dengan penuh tanggungjawab di bawah undang-undang privasi yang terpakai. Dasar kami memberikan garis panduan tertentu tentang usaha melindungi maklumat peribadi yang kami kendalikan.



Dasar tersebut menentukan cara anda boleh mengumpulkan, memproses, menyelenggarakan, berkongsi dan melupuskan data peribadi. Anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan menjalankan kewajipan anda di bawah dasar ini.

## Apabila mengendalikan data peribadi dalam kerja anda:

- Kumpulkan data peribadi yang Seagate perlukan sahaja
- Lindunginya
- Akses data yang anda perlukan sahaja
- Bekerjasama dengan rakan perniagaan yang berkongsi komitmen kepada privasi dengan kami
- Kemukakan kebimbangan atau ancaman terhadap keselamatan data peribadi

Untuk maklumat lanjut:

**Dasar Privasi Global** dan **Pernyataan Privasi**



# Hormati Orang Lain

# Hormati Orang Lain

Keterangkuman merupakan salah satu nilai teras kami. Kami berusaha untuk memberikan layanan kepada semua orang dengan adil dan saksama. Kami menghormati dan menghargai individu disebabkan oleh bakat, sumbangan dan potensi mereka.

Seagate tidak bertoleransi dengan sebarang jenis gangguan atau diskriminasi. Ini termasuk tindakan oleh atau terhadap mana-mana ahli pasukan Seagate atau pihak ketiga. Kami menghendaki semua individu untuk memberikan layanan kepada individu lain dengan penuh bermaruah dan rasa hormat.



# Antigangguan/Antidiskriminasi

Gangguan ialah sebarang kelakuan yang menjadikan persekitaran kerja bersifat menakutkan, ofensif atau perseteruan. Kelakuan yang tidak disenangi ini boleh berbentuk fizikal, lisan atau visual. Contoh gangguan termasuk membuli, mengherdik, jenaka dan gambar yang ofensif. Selain itu, komen seksual, sentuhan yang tidak wajar dan permintaan untuk layanan seksual ialah contoh gangguan seksual.

Kami merupakan sebuah syarikat yang bersifat global dan pekerja kami mewakili kepelbagaian latar belakang dan budaya yang luas. Kepelbagaian kami memberi kami perspektif dan idea yang membantu meluaskan pemikiran kami. Ini membolehkan perniagaan kami berjaya pada masa hadapan. Kami mengambil pekerja, menaikkan pangkat dan memberikan pampasan kepada pekerja berdasarkan prestasi, kemahiran, kebolehan dan sebarang kriteria lain yang dibenarkan dari segi undang-undang atau kriteria yang diperlukan.

Diskriminasi ialah layanan yang tidak adil atau prejudis terhadap individu lain. **Diskriminasi atas dasar ciri-ciri peribadi yang dilindungi tidak sama sekali, termasuk:**

- Umur
- Bangsa
- Warna kulit
- Keturunan
- Etnik atau negara asal
- Kurang upaya fizikal atau mental
- Keadaan perubatan
- Maklumat genetik
- Status perkahwinan
- Seks (termasuk kehamilan atau kehamilan anggapan, kelahiran anak, penyusuan anak atau keadaan perubatan yang berkaitan)
- Jantina (lelaki atau perempuan), identiti jantina (naluri dalaman kami tentang jantina kami) dan ekspresi jantina (cara tingkah laku, penampilan dan minat kami menggambarkan jantina kami)
- Orientasi seksual
- Kepercayaan agama atau pendapat politik yang bersifat anggapan atau sebenar
- Status tentera dan veteran
- Mengambil atau meminta cuti yang dilindungi dari segi statutori
- Mengambil atau meminta penginapan yang berpatutan

Seagate komited untuk memupuk tempat kerja yang bersifat terang-kum dan pelbagai. Kami mahu semua pekerja berasa selesa untuk menjadi diri mereka sendiri dan membuat kerja sebaik yang mungkin. Walaupun undang-undang antigangguan dan antidiskriminasi berbeza di setiap negara tempat kami beroperasi, kami menghendaki semua tapak untuk mengikuti piawaian yang sama di bawah Kod ini.

Beritahu pengurus atau wakil Sumber Manusia (HR) anda jika anda diganggu, menjadi mangsa diskriminasi atau menyaksikan tingkah laku seumpamanya. Anda juga boleh menghubungi [Talian Bantuan Etika](#).

Untuk maklumat lanjut:

**06-8008 Harassment Free Workplace Policy  
(Dasar Tempat Kerja Bebas Gangguan)  
06-1045 Equal Employment Opportunity Policy  
(Dasar Peluang Pekerjaan Saksama)**





# Keselamatan Tempat Kerja

## Keselamatan Tapak

Program keselamatan dan kesejahteraan Seagate memfokuskan kepada pencegahan kemalangan dan kesejahteraan pekerja.

### Ini bermaksud:

- Ikuti peraturan keselamatan tapak
- Gunakan kelengkapan keselamatan yang diperlukan
- Laporkan bahaya sebenar atau yang mungkin berlaku



## Tempat kerja bebas keganasan

Seagate melarang sebarang jenis keganasan. Anda tidak boleh mengugut atau melakukan sebarang tindakan keganasan di Seagate, dengan kelengkapan Seagate, atau semasa bertugas tanpa mengira lokasi. Malah, berjenaka tentang keganasan di tempat kerja juga adalah tidak wajar.

Keselamatan peribadi anda penting bagi kami. Jika anda berasa bahawa anda atau orang lain berada dalam bahaya, cuba berpindah ke lokasi atau tempat berlindung yang selamat di tempat tersebut. Laporkan bahaya tersebut dengan menghubungi Pengawal setempat atau penguat kuasa undang-undang tempatan. Jika anda berada di lokasi yang tiada pengawal setempat, hubungi penguat kuasa undang-undang tempatan. Beritahu pengurus dan/atau wakil Sumber Manusia (HR) anda apabila anda dapat berbuat demikian dengan selamat.

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang keganasan di tempat kerja yang mungkin berlaku atau jika seseorang telah mengugut anda, beritahu Sumber Manusia, [Talian Bantuan Etika](#) atau Pengawal.

Untuk maklumat lanjut:

**06-8085 Violence-Free Workplace Policy  
(Dasar Tempat Kerja Bebas Keganasan)**

## Tempat kerja bebas dadah

Anda tidak boleh berada di bawah pengaruh dadah, memiliki atau mengedar dadah yang menyalahi undang-undang. Dengan pengecualian pengambilan alkohol secara berhati-hati dan mengikut undang-undang semasa keraian perniagaan yang sah, anda tidak boleh berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah semasa bekerja di Seagate atau semasa melibatkan diri dengan sebarang aktiviti perniagaan Seagate. Dalam acara sosial tajaan Seagate, minum alkohol secara berpatutan dibenarkan jika naib presiden organisasi fungsian yang menganjurkannya telah memberikan kebenaran mereka.

Berbincanglah dengan pengurus anda jika anda perlu menggunakan sebarang ubat-ubatan yang mempunyai amaran keselamatan yang mungkin boleh memberikan kesan kepada fungsi kerja anda.

Untuk maklumat lanjut:  
**06-8002 Alcohol and Drug-Free Workplace Policy  
(Dasar Tempat Kerja Bebas Alkohol dan Dadah)**

## Perhubungan Rakan Sekerja

Perhubungan romantik atau keluarga antara rakan sekerja boleh membangkitkan kebimbangan berkenaan dengan pilih kasih, kerahsiaan atau keselamatan, ataupun mewujudkan konflik kepentingan sebenar atau anggapan. Ini terutamanya benar jika perhubungan tersebut adalah dengan rakan sekerja atau salah seorang orang bawahan atau orang yang berada dalam rantai penyeliaan anda. Perubahan aturan kerja mungkin diperlukan dalam keadaan tertentu untuk meringankan konflik kepentingan sebenar atau anggapan atau untuk menangani kebimbangan lain. Ini boleh melibatkan penugasan semula atau penamatan pekerjaan bagi salah seorang atau kedua-dua individu yang terbabit, bergantung pada keadaan.

**Rujuk 06-8011 Relationships at Work Policy  
(Dasar Perhubungan di Tempat Kerja) untuk  
mendapatkan maklumat lanjut berkenaan  
dengan perhubungan rakan sekerja.**



SEAGATE  
SPRINGTOWN

Al Shu...  
Spring...  
for...  
...  
July 11...  
...  
...  
...

# Elakkan Konflik Kepentingan

# Elakkan Konflik Kepentingan


Setiap seorang daripada kami mesti mengelakkan konflik kepentingan dan juga situasi yang kelihatan seperti konflik. Konflik kepentingan boleh berlaku apabila situasi perniagaan menimbulkan kesetiaan yang bersaing. Ini boleh menyebabkan anda mencari manfaat peribadi untuk diri sendiri, rakan atau ahli keluarga anda sehingga menjejaskan Seagate. Dalam kes tertentu, sesuatu yang sekadar kemungkinan atau kelihatan seperti konflik sahaja pun boleh mendatangkan masalah. Anda mesti mendedahkan sebarang konflik sebenar atau yang boleh berlaku apabila keadaan tersebut berlaku. Anda juga mesti mengemas kini pendedahan anda setiap kali keadaan berubah. Borang pendedahan dan maklumat tambahan berkenaan dengan proses pendedahan boleh didapati di [laman web Etika dan Pematuhan](#).

**Sila hubungi pengurus anda, Wakil Sumber Manusia atau Pegawai Pematuhan** untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## Panduan untuk Senario Biasa Konflik Kepentingan yang Boleh Berlaku

Sukar untuk mengenal pasti semua konflik kepentingan yang kemungkinan berlaku tetapi yang berikut ialah panduan untuk situasi tertentu yang boleh menimbulkan konflik kepentingan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan konflik kepentingan, layari [laman web Etika dan Pematuhan](#) atau hubungi salah seorang [Pegawai Pematuhan](#) kami. Jika anda menghadapi konflik yang ada kemungkinan untuk berlaku, sila serahkan [borang Pendedahan Konflik Kepentingan yang Boleh Berlaku](#) secepat mungkin.



### **Pelaburan Peribadi**

Elakkan pelaburan oleh anda atau ahli keluarga anda yang boleh menyebabkan anda bertindak dengan cara yang memudaratkan Seagate. Salah satu konflik yang boleh berlaku ialah pelaburan dalam syarikat swasta yang merupakan pesaing, pelanggan, pembekal, rakan perniagaan atau sasaran pemerolehan yang berpotensi bagi Seagate. Satu lagi konflik yang boleh berlaku ialah sebarang pelaburan langsung dalam syarikat awam yang melebihi 1% daripada ekuiti diterbitkan. Pelaburan oleh ahli keluarga yang

memenuhi kriteria ini yang dianggap berkaitan dengan anda juga membentuk konflik yang boleh berlaku. Pegangan dalam dana bersama, dana indeks atau Dana Dagang Tukaran (ETF) bukanlah pelaburan langsung dan tidak tertakluk pada pendedahan sebagai konflik kepentingan yang boleh berlaku. Anda tidak sepatutnya cuba mengelakkan sekatan pelaburan dengan bertindak secara tidak langsung melalui orang lain.

### **Pekerjaan atau Kepengarahannya Luar**

Jika anda bekerja di luar Seagate, pastikan ini tidak memberi kesan buruk kepada prestasi anda di Seagate atau mewujudkan konflik kepentingan. Ini termasuk berkhidmat sebagai penasihat, pengarah, perunding atau pekerja untuk perusahaan lain. Dedahkan apa-apa yang mewujudkan konflik kepentingan, sama ada sebenar atau boleh berlaku, dengan pekerjaan anda di Seagate. Kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Kajian Semula Konflik Kepentingan Seagate diperlukan, contohnya, sebelum anda boleh menerima sebarang peranan dengan pesaing atau syarikat yang ingin atau sedang mengendalikan perniagaan dengan Seagate.

## Reka Cipta

Jika anda membangunkan reka cipta luar yang berkaitan dengan apa-apa yang dilakukan, atau dirancang untuk dilakukan, oleh Seagate, ini boleh mewujudkan konflik kepentingan. Kerja-kerja membangunkan reka cipta turut merangkumi bantuan kepada orang lain untuk membangunkan sesuatu yang berkaitan dengan perniagaan yang sedia ada ataupun yang dijangka. Semua pekerja tertakluk pada Perjanjian At-Will Employment (Ikut Kehendak), Confidential Information (Maklumat Sulit) dan Invention Assignment (Penyerahan Hak Reka Cipta) kami.

Untuk maklumat lanjut:

**11-1900 Right to Intellectual Property Resulting from Work Performed for Seagate Policy (Hak atas Harta Intelek Hasil daripada Kerja yang Dijalankan untuk Dasar Seagate)**

**11-1090 Invention Assignment and Inventor Recognition (Dasar Penyerahan Hak Reka Cipta dan Pengiktirafan Pereka Cipta)**

## Melencongkan Peluang Perniagaan

Anda bertanggungjawab untuk mendahulukan kepentingan sah Seagate dengan sedaya upaya anda. Jangan bersaing dengan Seagate atau menggunakan harta benda, maklumat Seagate atau jawatan anda dalam Seagate untuk meraih keuntungan peribadi. Jangan sekali-kali merampas sebarang peluang perniagaan atau pelaburan daripada Seagate tanpa membentangkan peluang itu kepada Seagate terlebih dahulu. Selain itu, jangan sekali-kali membantu sesiapa, termasuk ahli keluarga, untuk merampas peluang perniagaan atau pelaburan daripada Seagate untuk meraih keuntungan peribadi.

## Menyertai Persatuan Perdagangan dan Industri serta Kumpulan Piawaian Teknikal

Menyertai persatuan perdagangan atau organisasi penetapan piawaian atas kapasiti perseorangan anda mungkin bercanggah dengan tugas anda di Seagate, termasuk tanggungjawab anda untuk melindungi harta intelek dan maklumat proprietari Seagate. Anda mesti mengisi **borang Pendedahan Konflik Kepentingan yang Boleh Berlaku** dan mendapatkan kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Kajian Semula Konflik Kepentingan Seagate sebelum anda, atas kapasiti perseorangan atau profesional anda, menyertai persatuan perdagangan atau melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan dengan piawaian teknikal.

Walaupun atas kapasiti profesional anda sebagai wakil Seagate, menyertai persatuan perdagangan atau organisasi penetapan piawaian boleh membangkitkan isu harta intelek dan antipakatan. Oleh yang demikian, pengurus anda dan Jabatan Undang-undang mestilah dimaklumkan apabila anda menyertai mana-mana organisasi atau kumpulan kerja seumpama itu dan apabila anda menyumbangkan teknologi kepada sesuatu piawaian atau menggunakan piawaian tertentu dalam pembangunan produk Seagate.





# Lindungi Aset Kami



# Lindungi Aset Kami

Anda bertanggungjawab untuk melindungi semua aset Seagate yang diamanahkan kepada anda.



**John Abrenilla**

*Naib Presiden Kepercayaan  
dan Keselamatan Global*

Ini bermaksud menggunakannya dengan cekap dan melindunginya daripada penggunaan yang tidak dibenarkan. Anda dibenarkan menggunakan sumber Seagate secara terhad bagi tujuan peribadi, bukan perniagaan, seperti membuat panggilan atau menghantar e-mel peribadi secara berpatutan. Setiap kali anda menggunakan sumber Seagate, pastikan anda mempertimbangkannya dengan baik dan bertindak secara profesional.

# Pertimbangan Khas dalam Perlindungan Aset Seagate

## Maklumat Sulit

Melindungi maklumat sulit Seagate ialah tanggungjawab setiap pekerja. Maklumat sulit ialah maklumat bukan awam yang mungkin berguna kepada pesaing atau memudaratkan Seagate, rakan perniagaan atau pelanggan kami jika didedahkan. Maklumat bersifat sulit apabila dikelaskan sebagai “Internal (Dalaman)”, “Confidential (Sulit)” atau “Restricted (Terhad)” di bawah [11-9200 Data Classification Policy \(Dasar Pengelasan Data\)](#). Anda hanya boleh menggunakan maklumat sulit Seagate bagi tujuan perniagaan Seagate. Anda hanya boleh mendedahkan maklumat sulit kepada orang yang mempunyai kebenaran dan perlu mengetahui maklumat tersebut. Beritahu pengurus anda jika seseorang meminta maklumat sulit dan anda tidak pasti sama ada mereka dibenarkan untuk mendapatkannya.

### Untuk maklumat lanjut:

[Prosedur Pengendalian Data Kejuruteraan dan Perniagaan 11-9200 Data Classification Policy \(Dasar Pengelasan Data\)](#)  
[11-1160 Records Retention Policy \(Dasar Pengekalan Rekod\)](#)

## Harta Intelek

Anda mesti melindungi dan memelihara hak harta intelek Seagate. Harta intelek termasuk paten, hak cipta, tanda dagang, rahsia perdagangan, reka cipta dan proses. Kami menghendaki individu dan syarikat untuk menghormati hak harta intelek kami. Kami juga menghormati harta intelek pihak lain. Ini bermaksud kami mematuhi pelesenan dan perjanjian lain yang serupa dengannya.

### Untuk maklumat lanjut:

[11-1910 Protecting Seagate Confidential Information Using Non-Disclosure Agreements \(Melindungi Maklumat Sulit Seagate Menggunakan Perjanjian Ketakdedahan\)](#)  
atau hubungi Jabatan Undang-undang

## Aset Fizikal

Harta benda fizikal seperti kemudahan, bekalan, kelengkapan, inventori, kenderaan, tunai dan akaun syarikat ialah aset fizikal. Anda bertanggungjawab untuk melindungi dan menggunakan aset fizikal Seagate dengan penuh tanggungjawab. Ini bermaksud menjaga keselamatan aset untuk mengelakkan kehilangan, kerosakan, kecurian, penggunaan tanpa kebenaran dan pembaziran. Jangan ambil produk atau bekalan untuk kegunaan peribadi. Jangan gunakan kad kredit Seagate untuk perbelanjaan peribadi. Memindahkan aset melalui penipuan atau penggelapan merupakan pelanggaran terhadap Kod ini dan undang-undang.

**Untuk maklumat lanjut:**

**10-2170 Acceptable Use of Internet and Electronic Services  
(Penggunaan Perkhidmatan Internet dan Elektronik  
yang Boleh Diterima)**

**08-7010 Assigned Equipment  
(Kelengkapan yang Diperuntukkan)**

## Pengekalan Rekod

Menguruskan rekod perniagaan mengikut **11-1160 Records Retention Policy (Dasar Pengekalan Rekod)** kami adalah penting. Rekod perniagaan ialah maklumat yang anda wujudkan, terima dan selenggarakan sebagai sebahagian daripada pekerjaan anda untuk Seagate. Rekod perniagaan merangkumi laporan perniagaan, kontrak, minit mesyuarat serta dokumen kawal selia dan pematuhan. Dasar Pengekalan Rekod memberikan arahan tentang maklumat yang anda perlu simpan dan tempoh penyimpanannya. Memusnahkan atau memadamkan maklumat yang telah tamat tempoh mengikut jadual pengekalan rekod adalah penting.

Walau bagaimanapun, rekod perniagaan yang berkaitan dengan siasatan atau prosiding undang-undang mesti disimpan walaupun telah tamat tempoh. Rekod ini berada dalam “pegangan undang-undang”. Jika anda mengawal sebarang rekod perniagaan yang berada dalam “pegangan undang-undang”, anda tidak boleh mengubah, menyembunyikan atau memusnahkan rekod tersebut. Jabatan Undang-undang akan memberitahu anda apabila rekod tersebut tidak lagi berada dalam “pegangan undang-undang”.

**Untuk maklumat lanjut:**

**11-1160 Records Retention Policy (Dasar Pengekalan Rekod)**

## Komunikasi Luaran dan Media Sosial

Semua komunikasi dengan pelabur, pemegang saham, media dan komuniti kewangan mesti mendapat kebenaran daripada Jabatan Perhubungan Awam atau Perhubungan Pelabur Seagate. Komunikasi tersebut mesti tepat dan lengkap. Kami melarang pembocoran atau pendedahan tanpa kebenaran.

Anda hendaklah menggunakan media sosial dengan cara yang konsisten dengan Kod kami. Anda tidak boleh menggunakan media sosial untuk mendedahkan maklumat sulit Seagate atau untuk mengganggu atau melakukan diskriminasi terhadap orang lain. Sebarang akaun media sosial, kontrak, kandungan atau kelayakan log masuk Seagate ialah hak milik tunggal Seagate.

Untuk maklumat lanjut:  
**03-100300 External Communications Policy  
(Dasar Komunikasi Luaran)**  
**11-1091 Publication Policy  
(Dasar Penerbitan)**

## Kemampanan

Seagate komited untuk membangunkan dan mengekalkan amalan yang mampan dan bertanggungjawab dalam operasi globalnya. Kami mematuhi peraturan alam sekitar dan beroperasi dengan cara yang mampan. Anda harus sedar tentang isu alam sekitar. Anda juga harus memberikan kerjasama anda untuk membantu mencegah pencemaran, mengurangkan sisa dan memulihara sumber semula jadi.

Untuk maklumat lanjut:  
**Laman Kemampanan**





# Pastikan Integriti Kewangan Kami

# Pastikan Integriti Kewangan Kami

Seagate menyelenggarakan sistem kawalan dalaman untuk mengukuhkan pematuhan kami kepada keperluan undang-undang, perakaunan, cukai dan kawal selia lain di setiap negara tempat kami beroperasi. Pemegang saham kami bergantung pada setiap seorang daripada kami untuk menyelenggarakan buku dan rekod yang tepat dan lengkap. Ini merupakan asas bagi pendedahan umum kami dan mesti memberikan pandangan yang tepat tentang operasi dan kedudukan kewangan kami. Setiap seorang daripada kami memainkan peranan untuk memastikan

bahawa wang dibelanjakan dengan sewajarnya. Kami juga mesti memastikan rekod kewangan kami lengkap, tepat dan mematuhi kawalan dalaman kami. Ini penting terutamanya apabila kami mengambil vendor baharu, menyerahkan laporan perbelanjaan, menandatangani kontrak perniagaan baharu atau memasuki sebarang urusan niaga bagi pihak Seagate.

Setiap seorang daripada kami bertanggungjawab secara peribadi atas integriti maklumat, laporan dan rekod di bawah kawalan kami. Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat dalam rekod kita adalah lengkap, tepat dan boleh difahami. Anda tidak boleh sekali-kali memberikan fakta yang tidak tepat, memalsukan sebarang rekod atau akaun ataupun mengganggu audit rekod kewangan kami.

Untuk maklumat lanjut:  
**Dasar Pengurusan Kewangan**  
**Dasar Kawalan Dalaman**  
**11-9100 Contracts Policy (Dasar Kontrak)**





# Kesimpulan

# Kesimpulan

Kami bergantung pada penilaian yang baik antara satu sama lain untuk mendukung standard integriti yang tinggi. Kami komited untuk bersifat telus, patuh dan beretika. Kami menghendaki semua ahli pasukan dan rakan kongsi Seagate untuk mengikut Kod ini bukan sahaja dari segi zahirnya, tetapi juga dari segi semangat Kod ini. Ada kalanya, sukar untuk mengenal pasti tindakan yang betul. Usahlah berasa bimbang untuk bertanya soalan atau bersuara jika anda melihat sesuatu yang anda rasakan tidak betul.





# Senarai Dasar

- 06-1045 Equal Employment Opportunity (Peluang Pekerjaan Saksama)
- 03-100300 External Communications Policy (Dasar Komunikasi Luaran)
- 06-8002 Alcohol and Drug Free Workplace (Tempat Kerja Bebas Alkohol dan Dadah)
- 06-8008 Harassment Free Workplace (Tempat Kerja Bebas Gangguan)
- 06-8011 Relationships at Work Policy (Dasar Perhubungan di Tempat Kerja)
- 06-8085 Violence Free Workplace (Tempat Kerja Bebas Keganasan)
- 08-3005 International Trade Compliance Policy (Dasar Pematuhan Perdagangan Antarabangsa)
- 10-2170 Acceptable Use of Electronic and Internet Services (Penggunaan Perkhidmatan Elektronik dan Internet yang Boleh Diterima)
- 10-2200 Global Investigations (Siasatan Global)
- 11-1090 Invention Assignment and Inventor Recognition (Penyerahan Reka Cipta dan Pengiktirafan Pereka Cipta)
- 11-1091 Publication Policy (Dasar Penerbitan)
- 11-1095 Trade Secrets from Outside Sources (Rahsia Perdagangan daripada Sumber Luar)
- 11-1160 Records Retention Policy (Dasar Pengekalan Rekod)
- 11-1161 Legal Hold Policy (Dasar Pegangan Undang-undang)
- 11-1200 Anti-Bribery and Anti-Corruption Policy (Dasar Antirasuah dan Antisogokan)
- 11-1600 Code of Ethics for Senior Financial Officers (Kod Etika untuk Pegawai Kewangan Kanan)
- 11-1700 Securities Trading Policy (Dasar Perdagangan Sekuriti)
- 11-1800 Antitrust Policy (Dasar Antipakatan)
- 11-1900 Right to Intellectual Property Resulting from Work Performed at Seagate (Hak atas Harta Intelek Hasil daripada Kerja yang Dijalankan di Seagate)
- 11-1910 Protecting Seagate Confidential Info with NDA's (Melindungi Maklumat Sulit Seagate Menggunakan Perjanjian Ketakdedahan (NDA))
- 11-9001 Privacy Program Policy (Dasar Program Privasi)
- 11-9002 Privacy Review Policy (Dasar Kajian Semula Privasi)
- 11-9003 Privacy Review Standard (Piawaian Kajian Semula Privasi)
- 11-9004 Records of Processing Policy (Dasar Rekod Pemprosesan)
- 11-9005 Data Protection Officer Policy (Dasar Pegawai Perlindungan Data)
- 11-9006 Privacy Training and Awareness Policy (Dasar Latihan dan Kesedaran Privasi)
- 11-9007 Data Subject Request Policy (Dasar Permintaan Subjek Data)
- 11-9008 Consent Management Policy (Dasar Pengurusan Keizinan)
- 11-9009 Consent Standard (Piawaian Keizinan)
- 11-9010 Privacy Notice Standard (Piawaian Notis Privasi)
- 11-9011 Automated Processing/Profiling Policy (Dasar Pemprosesan/ Pempprofilan Automatik)
- 11-9012 Privacy by Design/Default Policy (Dasar Privasi secara Terancang/Lalai)
- 11-9013 Data Controller Request Policy (Dasar Permintaan Pengawal Data)
- 11-9100 Contracts Policy (Dasar Kontrak)
- 11-9200 Data Classification Policy (Dasar Pengelasan Data)

# Sumber Tambahan

Pegawai Pematuhan

Laman Etika dan Pematuhan

Kod Etika Seagate Technology untuk Pegawai Kewangan Kanan

Dasar Pengurusan Kewangan

Dasar Privasi Global

Dasar Kawalan Dalaman

Borang Pendedahan Konflik Kepentingan yang Boleh Berlaku

Pernyataan Privasi

Talian Bantuan Etika Seagate (Bahasa Inggeris, Mandarin, Melayu, Thai dan Korea)

Laman Kemampanan